

19 DEC 1998

LEAD Mahathir-wawasan/I

WALAUPUN GAWAT MALAYSIA TETAP DENGAN WAWASANNYA

CYBERJAYA, 19 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata wawasan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 masih kekal walaupun ia kini menghadapi kegawatan ekonomi.

"Walaupun usaha ke arah wawasan 2020 mungkin diperlahankan akibat perkembangan di luar kawalan kebelakangan ini, wawasan kita untuk mencapai tahap negara maju menjelang 2020 masih kekal," katanya pada majlis penyudahan pembinaan pusat MSC Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) di bandar siber ini.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata Malaysia telah mencatat pertumbuhan tinggi antara 8 dan 9 peratus untuk selama lapan tahun.

"Apa yang kita perlukan untuk mencapai wawasan 2020 ialah pertumbuhan purata 7 peratus untuk tempoh 30 tahun. Ini bermakna, kita sebenarnya sudah ke hadapan daripada segi pertumbuhan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun berlaku pertumbuhan yang lebih rendah untuk beberapa tahun, Malaysia mampu mengejanya.

Ketika ditanya sama ada Malaysia mampu mencapai status negara maju sekalipun negara ini terus menghadapi kegawatan ekonomi untuk dua atau tiga tahun akan datang, Dr Mahathir berkata : "Kita boleh, kita mampu mengejar."

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata berdasarkan kepada unjuran Malaysia sendiri bahawa sumbangan sektor pembuatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan memuncak sekitar 38 peratus menjelang tahun 2005, negara ini memerlukan satu penggerak baru kepada pertumbuhan ekonomi ekonomi.

Malaysia menganggap Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai penggerak baru pertumbuhan untuk membawa negara ini ke era maklumat, katanya.

Selaras dengan wawasan Malaysia menjadikan MSC sebagai penggerak baru pertumbuhan, Dr Mahathir berkata inisiatif MSC itu akan terus diberi keutamaan.

Dr Mahathir berkata walaupun perkembangan kebelakangan ini menjadikan kemampuan sebagai satu kriteria yang perlu, sumber-sumber sewajarnya akan disediakan bagi melaksanakan program MSC dan bagi membangunkan Cyberjaya sebagai kawasan tumpuan multimedia.

Beliau berkata industri teknologi maklumat dan multimedia yang berkembang akan menghasilkan nilai tokok kepada ekonomi Malaysia selain merangsang perolehan produktiviti dalam sektor ekonomi lain.

Katanya walaupun Malaysia mengharapkan hasil positif daripada pelbagai inisiatif luar untuk memulihkan ekonomi dunia dan serantau, ia sedar kedudukan ekonomi negara ini banyak bergantung kepada rakyat Malaysia sendiri.

Selain mengambil beberapa langkah pemulihan bagi menghadapi ancaman jangka pendek, Malaysia akan terus melabur dalam sektor keutamaan untuk menjamin pertumbuhan berterusan.

Dr Mahathir juga menyentuh peranan Jepun dalam membantu negara-negara Asia khususnya yang ekonominya terjejas termasuk Malaysia.

Katanya kemakmuran Jepun pastinya akan membuka peluang kepada keseluruhan rantau ini termasuk Malaysia.

Perdana Menteri berkata akibat daripada kelembapan ekonomi di rantau ini, peranan Jepun semakin penting.

"Sesungguhnya, jika Asia makmur, MSC dan ekonomi akan sama-sama maju. Oleh itu, kami mengharapkan kepada inisiatif perangsang ekonomi dari Jepun

untuk sektor awam dan swasta bagi menjana pertumbuhan bersama yang baru," katanya.

Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada NTT kerana sumbangannya kepada MSC yang beliau anggap sebahagian daripada kerjasama lebih meluas yang sedang wujud antara negara-negara Asia.

Kerjasama ini lebih bermakna dalam tempoh yang rumit sekarang kerana selama ini Jepun menjadi pendorong kepada beberapa negara-negara Asia yang maju daripada segi ekonomi.

NTT yang mencatat perolehan US\$72 bilion tahun lepas, ialah antara 130 syarikat yang melabur dalam MSC.

Unit NTT di MSC merupakan pusat syarikat itu bagi kegiatan penyelidikan dan pembangunan serta perkhidmatan intergrasi sistem di Asia.

Pelaburan NTT di MSC adalah yang kedua terbesar dalam bidang R&D di luar Jepun selepas NTT Amerika.

NTT MSC Sdn Bhd mula beroperasi September tahun lepas dengan 60 petugas, 40 daripadanya rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

ARA MAI